



PEMBAYARAN CARUMAN

1 ALIRAN PROSES PEMBAYARAN CARUMAN



Pembayaran caruman atau tunggakan **secara atas talian atau manual**



Penghantaran Borang Caruman (CN3 atau CN4, CN6)

- **Emel**
- **Portal ICMS**
- **Pos**
- **Faks**



Resit dikeluarkan **secara automatik melalui emel**

2 MOD PEMBAYARAN & BORANG CARUMAN

Majikan hendaklah **mengemukakan Borang Caruman mengikut mod pembayaran** yang dibuat bagi tujuan **peresitan dan pemprosesan caruman**.

MOD PEMBAYARAN


A



PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN

- *Electronic Fund Transfer / Telegraphic Transfer (EFT/TT)*
- *Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS)*
- **Cek deposit** (di kaunter RHB/mesin deposit cek RHB)
- Borang Caruman yang perlu dikemukakan:
 - Borang **CN6**
 - Borang **CN3** atau **CN4**

B



PEMBAYARAN SECARA MANUAL

- Cek yang dihantar melalui pos
- Borang Caruman yang perlu dikemukakan bersama cek:
 - Borang **CN3** atau **CN4**

BORANG CARUMAN

A



BORANG CARUMAN

- Borang CN3, CN4 dan CN6 boleh dimuat turun dari laman web rasmi KWAP di www.kwap.gov.my

B



PENGISIAN BORANG

- Borang CN3, CN4 dan CN6 mestilah diisi dengan betul & lengkap :
 - Bayaran caruman dan tunggakan **diasingkan**
 - Tandatangan dan pengesahan majikan atas Borang Caruman

C



PENGHANTARAN BORANG

- Dihantar melalui **emel, Portal ICMS, pos atau faks** sebaik sahaja pembayaran dibuat.

TAHUKAH ANDA?

Kegagalan majikan mengemukakan Borang Caruman akan mengakibatkan bayaran **tidak dapat direkod dan diresitkan**. Ianya juga dianggap sebagai **lewat** selagi maklumat bayaran tidak diterima.



PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN (EFT/TT/RENTAS/CEK DEPOSIT)

- Bagi majikan yang **pertama kali** ingin membuat pembayaran secara atas talian:
 - Maklumkan kepada KWAP melalui emel ke eft.contribution@kwap.gov.my atau surat untuk mendapatkan **butiran akaun KWAP** dan **tatacara pembayaran** yang terperinci
- Menghantar Borang CN6 pada **hari yang sama** bayaran dibuat kepada KWAP melalui emel ke eft.contribution@kwap.gov.my
- Menghantar Borang CN3 atau CN4 melalui emel, portal, pos atau faks **sebaik sahaja pembayaran dibuat.**

B

PEMBAYARAN SECARA MANUAL (CEK)

- Cek yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - Nama Penerima Bayaran:
 - **KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**
 - Tandatangan mestilah mencukupi mengikut syarat yang telah ditetapkan dan bersamaan dengan contoh tandatangan yang disimpan di bank
 - Amaun bayaran (dalam Ringgit Malaysia) di ruangan nombor dan perkataan adalah sama
 - Tarikh pada cek adalah tarikh semasa dan masih dalam tempoh sah laku cek. Tarikh ke hadapan (*post dated*) tidak dibenarkan
- Menghantar Borang CN3 atau CN4 bersama-sama cek
- Cek boleh dihantar melalui pos atau didepositkan di kaunter bank RHB atau mesin deposit cek RHB



4

PERESITAN



● Resit pembayaran akan **dikeluarkan secara automatik melalui emel.**



● Sebarang **pembatalan resit** juga akan dimaklumkan secara automatik melalui emel dan disertakan **Resit Gantian**. Untuk sebarang urusan di masa hadapan majikan hendaklah menggunakan Resit Gantian.

TAHUKAH ANDA?



1

Perbezaan Resit Asal dan Resit Gantian ialah No. Resit.

Contoh:

- Resit Asal : C0023456
- Resit Gantian : C0023456-01

2

Majikan perlu **memaklumkan kepada KWAP, jika tidak menerima resit** pembayaran melalui emel.

MAJIKAN GAGAL MENCARUM

1

APAKAH DEFINISI MAJIKAN GAGAL MENCARUM?

Majikan yang **tidak membayar caruman** kepada KWAP dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.



2

SIAPAKAH MAJIKAN YANG GAGAL MENCARUM

Majikan gagal mencarum sekiranya...



Bayaran caruman **TIDAK** diterima selewat-lewatnya pada **29 Februari 2020**



Bayaran caruman **TIDAK** diterima selewat-lewatnya pada **31 Mac 2020**



Bayaran caruman **TIDAK** diterima selewat-lewatnya pada **30 April 2020**

3

TINDAKAN KWAP KEPADA MAJIKAN GAGAL MENCARUM



▶ MAJIKAN GAGAL MENCARUM ANTARA 1-2 BULAN:

- KWAP akan menghantar **Surat Kelewatan Bayaran Caruman Bulanan** kepada majikan yang terlibat.

▶ MAJIKAN GAGAL MENCARUM 3 BULAN DAN KE ATAS:

- Tindakan - tindakan berikut akan dipertimbangkan bergantung kepada keadaan kes:
 - KWAP akan menghantar **surat peringatan khas** dengan salinan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi; atau
 - Mengadakan **mesyuarat khas** dengan majikan yang terlibat.